

SUSULAN WABAK CHIKUNGUNYA DI PERAK

342 bekas positif biak aedes

Oleh Shamsul Kamal
Amarudin
shaka@nstp.com.my

IpoH

Indeks pembiakan aedes yang tinggi dikenal pasti menjadi punca utama wujud wabak aktif chikungunya di tujuh lokaliti di daerah Batang Padang.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Ding Lay Ming berkata, sebanyak 342 bekas positif pembiakan nyamuk aedes ditemui di kawasan terbabit dalam tempoh 11 September sehingga 12 November lalu.

"Antara tempat pembiakan nyamuk yang ditemui adalah longgokan sampah haram, lot kosong terbiar, rumah kosong tidak berpenghuni, longkang yang tidak diselenggara dengan baik dan tong tadahan air tidak bertutup di dalam serta luar rumah," katanya dalam kenyataannya, semalam.

Menurutnya, sehingga 12 November lalu daerah Ba-

tang Padang mencatatkan 82 kes jangkitan chikungunya membabitkan tujuh lokaliti wabak aktif iaitu 52 kes di Kampung Baru Air Kuning manakala selebihnya di pekan Bidar, Taman Tapah, Taman Tapah Baru, Kampung Baru Kampung Pahang, Taman Orkid dan Taman Daya.

Dr Ding berkata, wabak berkenaan dijangka berakhir pada 26 November ini dan hingga kini tiada kematian dilaporkan di lokaliti terbabit.

Katanya, Jabatan Kesihatan negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Batang Padang melaksanakan pelbagai usaha bagi membendung demam chikungunya itu.

"Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah pemeriksaan dan penghapusan tempat pembiakan aedes di premis persendirian, perniagaan serta tanah lapang.

"Tindakan penguatkuasaan turut dilaksanakan dengan 42 kompaun dan sem-



semburan *ultra low volume* (ULV) di semua lokaliti berwabak serta berpotensi wabak di daerah Batang Padang," katanya.

Aktiviti gotong-royong dirancang dan akan diadakan pada Sabtu ini di Taman Tapah serta Taman Tapah Baru serta di Kampung Baru Air Kuning keesokan harinya.

Menurutnya, Jabatan Kesihatan negeri menasihatkan orang ramai supaya sentiasa peka dengan kebersihan persekitaran di kediaman dan segera melakukan aktiviti pembersihan kawasan serta menghapuskan tempat pembiakan nyamuk

di luar atau dalam rumah.

"Individu dan masyarakat diminta melindungi diri daripada gigitan nyamuk dengan memakai pakaian berlejang panjang dan berse- luar panjang serta berwarna cerah atau menggunakan penghalau nyamuk apabila berada di luar ru-

ma. "Ini terutama pada awal pagi (jam 5-7 pagi) dan petang (jam 5-7 malam) iaitu ketika nyamuk aedes aktif.

"Orang ra-

mai juga perlu memberi kerjasama kepada pihak kesihatan ketika aktiviti semburan kabus dengan membuka pintu dan tingkap rumah mereka serta aktiviti pemeriksaan persekitaran," katanya.



Wabak berkenaan dijangka berakhir pada 26 November ini dan hingga kini tiada kematian dilaporkan di lokaliti terbabit"

Dr Ding Lay Ming